Beri peluang PDRM jaga keselamatan lebih cekap

Berita Harian 28/7/2022 (Page 14)

Kuala Lumpur: Keputusan Dewan Rakyat meluluskan usul lanjutan Subseksyen 4(5) Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) akan memberikan peluang kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menjalankan tanggungjawab memelihara keselamatan dan ketenteraman awam dengan lebih cekap.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani, berkata PDRM amat menghargai usaha kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang mengemuka semula usul itu di Dewan Rakyat.

"Komitmen KDN dan ahli Parlimen dalam membolehkan usul pelanjutan tempoh kuat kuasa Subseksyen 4(5) Akta SOSMA (2012) dan Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) 2020 diluluskan, sokongan yang sangat besar dalam penguatkuasaan undang-undang di Malaysia.

Acryl Sani Abdullah Sani

"Perkembangan melibatkan pelanjutan Subseksyen 4(5) SOSMA akan memberikan peluang untuk PDRM menjalankan tanggungjawab dengan lebih efisien, demi kesejahteraan Keluarga Malaysia," katanya semalam.

Sambut baik tubuh IPCC

Selain itu, Acryl Sani berkata, PDRM turut menyambut baik usaha kerajaan ke arah penubuhan IPCC demi mengembalikan keyakinan masyarakat kepada PDRM.

Kelmarin, Dewan Rakyat meluluskan usul lanjutan Subseksyen 4(5) Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) untuk terus berkuat kuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai 31 Julai ini.

Usul dibawa Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin itu diluluskan melalui undi belah bahagian yang menyaksikan 111 ahli Parlimen bersetuju, manakala 88 tidak bersetuju dan 21 tidak hadir.

Selain itu, Dewan Rakyat turut meluluskan RUU IPCC 2020 yang bertanggungjawab melaksanakan siasatan berhubung aduan tatakelakuan anggota PDRM.

RUU itu diluluskan dengan lebih suara bersetuju selepas bacaan ketiga oleh Hamzah dan dibahas seramai 18 ahli Parlimen. BERNAMA



Sidang Dewan Rakyat

Usul kuat kuasa lanjutan tahanan kes SOSMA diluluskan

Keputusan bolehkan polis guna kuasa khas tahan individu hingga 28 hari

Keratan akhbar BH, semalam.